

Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Sari Kata Filem Animasi Geng Pengembaraan Bermula

*(Translation Procedures of Cultural Elements in the Animation Movie
Subtitle Geng Pengembaraan Bermula)*

Siti Hajar Mohd Fazil¹, Norhazlina Husin^{2*}

¹Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: 2023230516@student.uitm.edu.my

²Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: norha426@uitm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Norhazlina Husin
(norha426@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Unsur budaya
Terjemahan budaya
Prosedur terjemahan
Filem animasi

KEYWORDS:

Cultural elements
Translation
Cultural translation
Translation procedures

CITATION:

Siti Hajar Mohd Fazil, & Norhazlina Husin.
(2025). Prosedur Terjemahan Unsur Budaya
dalam Sari Kata Filem Animasi Geng
Pengembaraan Bermula. *Malaysian Journal
of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,
10(9), e003587.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.3587>

ABSTRAK

Penterjemahan unsur budaya dalam sari kata merupakan suatu tugas yang kompleks kerana perbezaan budaya selain keterbatasan dari segi bilangan perkataan serta ruang dalam baris sari kata. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan (i) mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dan (ii) menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan dalam sari kata filem tersebut. Kajian secara kualitatif ini mengaplikasi kaedah analisis kandungan dan analisis perbandingan bagi meneliti data secara sistematik. Kajian ini menggunakan Kategori Budaya dan Prosedur Terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988) sebagai kerangka teori. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dipilih sebagai bahan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur budaya dalam filem ini dapat dikategorikan kepada empat kategori iaitu [i] ekologi [ii] material [iii] sosial dan [iv] organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep. Kategori unsur budaya material mencatatkan kekerapan tertinggi dengan 28 dapatan (31.5%) manakala unsur budaya ekologi mencatatkan kekerapan terendah dengan 12 dapatan (13.5%). Selain itu, dapatan kajian juga mendapati sembilan prosedur terjemahan digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang dikenal pasti terdapat dalam filem ini. Prosedur terjemahan literal merupakan prosedur yang paling dominan penggunaannya 34 dapatan (38.2%) manakala prosedur terjemahan penggantian menunjukkan kekerapan terendah dengan hanya satu dapatan (1.1%). Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan bermakna kepada bidang terjemahan audiovisual, khususnya dalam usaha mempertingkatkan mutu penterjemahan sari kata bagi filem animasi tempatan.

ABSTRACT

Translating cultural elements in subtitles is a complex task due to differences between the source language and the target language, as well as limitations in terms of word count and line space in subtitles. Therefore, this study was conducted with two main objectives: (i) to identify cultural elements in the animated film *Geng Pengembaraan Bermula* and (ii) to analyse the translation procedures employed to render these cultural elements in the film. This study adopts a qualitative approach, employing both content analysis and comparative analysis to systematically examine the data. The theoretical framework applied is [Newmark's \(1988\)](#) Categories of Culture and Translation Procedures. The animated film *Geng Pengembaraan Bermula* was used as the corpus of the study. The findings indicate that the cultural elements in the film can be categorised into four groups: (i) ecology, (ii) material, (iii) social, and (iv) organisation, customs, activities, procedures, or concepts. Among these, material culture recorded the highest frequency with 28 instances (31.5%), while ecology was the least frequent with 12 instances (13.5%). In addition, the findings reveal that nine translation procedures were employed in the subtitles. Literal translation was the most frequently used procedure with 34 instances (38.2%), whereas substitution appeared least frequently with only one instances (1.1%). Overall, this study is expected to contribute meaningfully to the field of audiovisual translation, particularly in enhancing the quality of subtitle translation in local animated films.

Sumbangan/Keaslian: Penyelidikan berkaitan terjemahan unsur budaya dalam sari kata filem animasi tempatan daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris masih terbatas di Malaysia. Oleh itu, kajian ini penting kerana bukan sahaja mengisi jurang penyelidikan sedia ada, malah turut memperkaya perbincangan akademik dalam bidang terjemahan audiovisual serta menyumbang kepada penghasilan sari kata yang lebih berkesan dan sensitif terhadap aspek budaya.

1. Pengenalan

Industri perfileman tempatan Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dengan peningkatan kutipan pecah panggung yang ketara. Setakat 30 Jun 2025, industri ini mencatat kutipan sebanyak RM162.89 juta daripada 39 filem cereka yang ditayangkan, mengatasi kutipan sepanjang tahun sebelumnya. Filem animasi seperti *'Ejen Ali The Movie 2'* menjadi penyumbang utama, dengan kutipan RM55.2 juta, dan turut berjaya menembusi pasaran antarabangsa, seperti di Indonesia ([Bernama, 2025](#)). Kejayaan ini menunjukkan bahawa industri media dan hiburan, khususnya filem dan animasi, semakin giat menembusi pasaran antarabangsa ([Junzhe & Shuxian, 2024](#)).

Animasi sering dianggap sebagai medium hiburan, namun hakikatnya ia juga berfungsi sebagai saluran penting dalam penyebaran budaya sesebuah masyarakat ([Attia, 2025](#)). Dalam konteks Malaysia, filem animasi berperanan sebagai medium penyebaran budaya tempatan kepada khalayak global. Unsur budaya seperti adat resam dan tradisi, makanan tradisional, simpulan bahasa, peribahasa, dan humor sering menjadi sebahagian daripada jalan cerita animasi ([Huber, 2025](#)). Di Malaysia, terdapat filem animasi yang memaparkan kekayaan budaya tempatan seperti adat resam, makanan tradisional, dialek tempatan,

dan unsur humor yang dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu (Wan Mahmood, 2021) seperti yang ditampilkan dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*.

Budaya dalam filem animasi dapat diperluaskan penyebarannya melalui penterjemahan, khususnya dalam bentuk audiovisual. Terjemahan audiovisual, sama ada melalui sari kata atau alih suara, amat penting dalam menyampaikan mesej merentas bahasa dan budaya. Antara kedua-dua bentuk ini, sari kata lebih dominan kerana faktor kos yang rendah, capaian yang luas, serta keberkesannya dalam mengekalkan suara asal watak (Luyken et al., 1991).

Namun, setiap unsur budaya unik dan berbeza kerana budaya secara lazimnya bersifat kontekstual. Situasi ini menjadikan proses penterjemahan lebih kompleks apabila sesuatu unsur tidak mempunyai padanan dalam bahasa sasaran (Gilyazetdinov, 2025). Situasi ini juga memberikan cabaran besar bagi penterjemah kerana prosedur terjemahan yang kurang sesuai boleh menyebabkan mesej tidak difahami sepenuhnya oleh penonton (Farkhan et al., 2020; Al-Harashseh & Alhourani, 2024; Husin et al., 2024). Dalam konteks sari kata, penterjemah berhadapan dengan cabaran mengekalkan maksud budaya sambil menghasilkan terjemahan yang ringkas, mudah difahami, dan sesuai dengan batas teknikal medium.

Dalam konteks sari kata, penterjemah berhadapan dengan cabaran mengekalkan maksud budaya sambil menghasilkan terjemahan yang ringkas, mudah difahami dan sesuai dengan batas teknikal medium. Selain itu, terdapat kekangan ruang dan masa yang sering dihadapi oleh penterjemah sari kata (Wan Mahmood, 2021; Mehawesh & Neimneh, 2021). Maklumat tambahan sukar dimasukkan ke dalam sari kata kerana panjang barisan teks yang terhad dan keperluan sinkronisasi dengan audio (Hashim & Basari, 2022). Dalam keadaan tertentu, pengguguran perkataan atau frasa tidak dapat dielakkan (Motiejūnienė & Danilavičienė, 2025) sekali gus berisiko mengurangkan ketepatan mesej asal (Putriani & Basari, 2023; Al-Shloul, 2025). Hal ini boleh memberi kesan kepada kefahaman penonton terhadap unsur budaya yang diketengahkan dalam filem animasi.

Tidak dinafikan bahawa terdapat kajian terdahulu yang mengkaji terjemahan sari kata. Namun kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada terjemahan filem yang menggunakan pasangan bahasa selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Contohnya seperti kajian-kajian yang dilakukan oleh Boynukara & Tarakçioğlu (2021), Omer & Aminzadeh (2023), You (2023) serta El-Farahaty dan Alwazna (2024). Kajian terjemahan unsur budaya dalam filem animasi berbahasa Melayu ke bahasa Inggeris masih tidak dikaji dengan mendalam di Malaysia.

Beberapa kajian lepas membuktikan bahawa unsur budaya dalam sari kata menjadi isu utama dalam penterjemahan. Kajian oleh Wan Mahmood (2021) mendapati bahawa unsur budaya Melayu yang diterjemahkan ke dalam sari kata bahasa Inggeris secara umumnya difahami dengan baik oleh penonton sasaran. Ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Chai et al. (2022) yang menunjukkan bahawa penyari kata menghadapi cabaran besar apabila menterjemah budaya Cina ke dalam bahasa Inggeris. Cabaran ini melibatkan isu teknikal, linguistik dan budaya. Kajian oleh Farkhan et al. (2020) yang menganalisis unsur budaya berkaitan makanan dalam sari kata bahasa Indonesia ke bahasa Inggeris pula mendapati sebahagian besar unsur budaya berkaitan makanan gagal diterjemahkan dengan tepat kerana ketiadaan padanan istilah. Mehawesh dan Neimneh (2021) pula melaporkan terdapat kesalahan terjemahan unsur budaya Arab dalam sari

kata bahasa Inggeris menyebabkan kehilangan makna dan mengganggu pemahaman penonton.

Kajian-kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa penterjemahan unsur budaya dalam sari kata adalah isu yang kompleks. Ia menuntut pertimbangan antara aspek linguistik, budaya dan teknikal. Berdasarkan latar ini, kajian ini memberi tumpuan kepada penganalisisan terjemahan unsur budaya dalam filem *Geng Pengembaraan Bermula*. Makalah ini membincangkan dua objektif kajian iaitu [i] mengenal pasti kategori unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dan [ii] menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Pemahaman terhadap cara unsur budaya ditangani dalam sari kata diharap dapat memberi sumbangan kepada bidang terjemahan audiovisual, khususnya dalam konteks animasi Malaysia.

2. Sorotan Literatur

2.1. Filem Animasi

Perkembangan pesat industri perfileman telah menjadikan televisyen dan filem sebagai medium hiburan utama masyarakat. Menurut [Ghizai et al. \(2017\)](#), kanak-kanak merupakan kumpulan yang paling banyak menonton televisyen berbanding orang dewasa, khususnya rancangan animasi atau kartun.

Filem animasi merupakan satu bentuk seni visual yang bergerak untuk menyampaikan penceritaan atau mesej. Seiring dengan kemajuan teknologi, filem animasi dihasilkan dengan pelbagai bentuk seperti 2D, 3D, dan stop motion ([Shtets & Melnyk, 2024](#)). Setiap filem animasi yang dihasilkan akan mengetengahkan budaya tempatan ([Hanapi, et al., 2019](#)) yang mampu difahami oleh semua peringkat umur, terutama sekali kanak-kanak ([Sabri & Adiprabowo, 2022](#)). Setiap penceritaan yang disampaikan, mampu membimbing semua peringkat umur terutama sekali kanak-kanak untuk memahami nilai budaya tempatan ([Hanapi, et al., 2019](#)).

Filem animasi tempatan kini bukan sahaja ditayangkan di Malaysia, malah turut menembusi pasaran antarabangsa ([Fadzilah, 2025](#)). Fenomena ini mewujudkan keperluan yang semakin mendesak terhadap penterjemahan, khususnya dalam bentuk sari kata, bagi memastikan mesej dan jalan cerita dapat difahami oleh penonton merentas bahasa dan budaya. Dalam konteks ini, sari kata memainkan peranan penting untuk mentafsir maklumat serta membantu penonton, khususnya kanak-kanak untuk memahami dan mempelajari budaya ([Hashim & Basari, 2022](#)) dan menjadi medium penyampaian utama dalam filem animasi untuk meningkatkan pemahaman penonton ([Wu, 2025](#)) filem animasi.

2.2. Terjemahan Sari Kata

Sejak dekad yang lalu, bidang terjemahan audiovisual semakin mendapat perhatian dalam landskap global kerana kepelbagaian kandungan media yang melintasi sempadan bahasa dan budaya. Terjemahan audiovisual merupakan satu pemindahan komponen verbal dalam karya audiovisual dari satu bahasa ke bahasa lain ([Matkivska, 2014](#)). Terjemahan audiovisual melibatkan aspek visual dan audio secara serentak. Ia berbeza daripada terjemahan teks biasa kerana memerlukan penyesuaian kepada unsur visual, suara, dan konteks budaya ([Chiaro, 2020](#); [Pérez-González, 2014](#)). Terjemahan audiovisual

merupakan satu bentuk terjemahan yang mengekalkan makna dan mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran (Al-Harashseh & Alhourani, 2024).

Terdapat dua bentuk utama terjemahan audiovisual iaitu terjemahan melalui (i) sari kata dan (ii) alih suara (Luyken et al., 1991; Ibrahim & Saadi, 2024; Nesirli, 2025). Berbanding alih suara, sari kata paling kerap digunakan kerana lebih menjimatkan kos berbanding alih suara (Luyken et al., 1991; Nesirli, 2025).

Sari kata merupakan satu bentuk terjemahan bagi filem atau program televisyen (Mehawesh & Neimneh, 2021). Ia merupakan dialog yang dipaparkan dalam bentuk teks di skrin, lazimnya pada bahagian bawah paparan skrin bagi memudahkan penonton mengikuti kandungan audiovisual (Mehawesh & Neimneh, 2021; Papi et al., 2023; Zhao, 2023; Nesirli, 2025). Sari kata lazimnya ringkas dan padat, serta disusun agar seiring dengan pertuturan watak dalam filem atau rancangan. Tujuan utama sari kata adalah untuk membantu penonton membaca dan memahami dialog yang dipertuturkan, sekali gus meningkatkan pengalaman tontonan (Mehawesh & Neimneh, 2021; Anuar et al., 2022). Selain itu, sari kata turut memainkan peranan penting dalam memudahkan akses kepada kandungan media bagi individu Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah pendengaran (Talaván, 2019; Kruger & Liao, 2025) melalui paparan sari kata dan visual yang turut mengandungi unsur budaya.

2.3. Terjemahan Budaya

Budaya merupakan satu entiti kompleks yang merangkumi aspek konkrit dan abstrak. Budaya merupakan satu bentuk manifestasi dan perkongsian interaksi, tingkah laku, konstruk kognitif serta pemahaman yang diperolehi melalui pembudayaan (Husin, 2022).

Budaya boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama iaitu (i) budaya material yang melibatkan benda fizikal seperti pakaian dan makanan serta (ii) budaya bukan material yang melibatkan nilai, adat, dan bahasa (A. Bakar & Abd Rahman, 2021; Yusuff & Zailani@Ahmad, 2023). Setiap budaya hanya difahami oleh masyarakat yang mempelajari sesuatu budaya itu sahaja.

Penterjemahan unsur budaya dianggap sebagai antara cabaran utama dalam bidang terjemahan (Tourey, 2012). Terjemahan budaya tidak hanya melibatkan pemindahan kata daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran, tetapi turut menuntut kefahaman mendalam terhadap perbezaan budaya kedua-dua bahasa. Perbezaan ini sering menimbulkan dilema kepada penterjemah. Penterjemah perlu memastikan mesej teks sumber disampaikan dengan tepat sedangkan padanan yang sepadan dalam bahasa sasaran mungkin tidak wujud (Husin, 2022). Oleh itu, pemahaman terhadap budaya sumber perlu didahulukan sebelum memilih dan menerapkan prosedur terjemahan yang sesuai (Husin et al., 2024). Tugas ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana penterjemah perlu memastikan makna teks sumber tetap terpelihara dalam teks sasaran. Justeru, pemilihan prosedur atau strategi terjemahan yang tepat amat diperlukan bagi mencapai keseimbangan tersebut.

3. Metod Kajian

Kajian secara kualitatif ini mempunyai dua objektif iaitu (i) mengenal pasti unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dan (ii) menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur dalam filem animasi *Geng*

Pengembaraan Bermula. Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, dua kaedah kajian digunakan iaitu (i) analisis kandungan dan (ii) analisis perbandingan.

Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti unsur budaya dalam filem yang dikaji. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* ditonton beberapa kali agar lebih mudah difahami dialog yang diujarkan dan jalan ceritanya. Setiap dialog yang diujarkan dalam filem animasi ini ditranskripsikan untuk memudahkan proses mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam filem animasi ini. Analisis perbandingan pula digunakan untuk menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang dikenal pasti terdapat dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*.

Bagi mengenal pasti unsur budaya dan menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*, Kategori Budaya oleh Newmark (1988) digunakan sebagai kerangka untuk mengenal pasti unsur budaya dan Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988) digunakan sebagai kerangka teori untuk menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang dikenal pasti. Newmark (1988) dalam bukunya *A Textbook of Translation* mengkategorikan unsur budaya kepada lima kategori iaitu [i] ekologi, [ii] material [iii] sosial [iv] organisasi sosial, adat resam, aktiviti, prosedur dan konsep; serta (v) amalan dan gerak laku. Newmark (1988) juga telah mencadangkan 18 prosedur terjemahan yang boleh digunakan untuk menterjemah unsur budaya.

Kajian ini menggunakan filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* sebagai bahan kajian. Filem animasi ini merupakan sebuah filem animasi yang diterbitkan oleh Hj. Burhanuddin bin Md. Radzi & Hjh. Ainon binti Ariff pada tahun 2009. Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* ini diterbitkan dalam bahasa Melayu dan telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris bagi mencapai khalayak sasaran yang lebih luas apabila dipasarkan ke luar Malaysia. Filem ini berdurasi selama 90 minit. Filem animasi ini turut memenangi beberapa anugerah di Festival Filem untuk Kanak-kanak Antarabangsa Indonesia (Anugerah Pilihan Penonton), Festival Filem Malaysia ke-22 (Anugerah Khas Juri, Anugerah Khas Filem *Box Office*), Anugerah Industri Kreatif MSC Malaysia dan Duta Negara untuk UNICEF (Ibrahim et al., 2013). Filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* bukan sahaja ditayangkan di Malaysia malahan turut ditayangkan di Singapura, Indonesia dan Brunei (Rafik et al., 2020). Sepanjang tayangan, filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* menerima komen yang positif daripada penonton. Antara komen yang diterima daripada media sosial rasmi Facebook Upin Ipin adalah:

Hapy besday geng pengembaraan...ank2 suka tgok xkisah pun brapa kli tiap2 hari smpy diaorng hafal sangat dialog yg lucu2.... upin ipin terus maju...amin. (Kitchen, 2014).

Sy suka tgk filem geng pengembaraan bermula..x kira umur semua blh tgk.... (Isyraaf, 2014).

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1. Kategori Unsur Budaya dalam Filem Animasi *Geng Pengembaraan Bermula*

Dapatan menunjukkan terdapat 89 unsur budaya yang dikenal pasti terdapat dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Kesemua unsur budaya ini dikategorikan kepada empat kategori berdasarkan Kategori Budaya oleh Newmark (1988). Kesemua kategori ini ditunjukkan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Kategori Unsur Budaya dalam Filem Animasi *Geng Pengembaraan Bermula*

Kategori Unsur Budaya	Kekerapan	Peratus (%)
Ekologi	12	13.5
Material	28	31.5
Sosial	27	30.3
Organisasi, Adat, Aktiviti, Prosedur Atau Konsep	22	24.7
Jumlah	89	100.00

[Jadual 1](#) jelas menunjukkan bahawa unsur budaya material merupakan unsur budaya yang paling banyak dikenal pasti dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dengan 28 dapatan iaitu 31.5% daripada keseluruhan data. Ini diikuti oleh unsur budaya sosial dengan jumlah data sebanyak 27 (30.3%) dan unsur budaya kategori organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep dengan catatan sebanyak 22 dapatan (24.7%). Unsur budaya ekologi adalah unsur budaya yang paling sedikit dengan catatan sebanyak 12 dapatan (13.5%).

Budaya ekologi adalah interaksi antara manusia dan alam sekitar ([Al-Islami Moh Shin al, 2022](#)) yang melibatkan istilah geografi ([Husin, 2022](#)). Ini dapat dilihat melalui Contoh 1 berikut:

CONTOH 1

Begini, setiap kali musim durian mesti punya ada durian yang hilang. (2:01)

Dalam Contoh 1, musim durian dikategorikan sebagai unsur budaya ekologi kerana ia berkait rapat dengan persekitaran, hasil tanaman dan cara hidup masyarakat Malaysia. Di Malaysia, musim durian bukan sekadar waktu menuai buah, tetapi telah berkembang menjadi fenomena budaya yang dinantikan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Setiap kali tiba musim durian, bukan sahaja masyarakat luar bandar, malah penduduk bandar akan pulang ke kampung untuk menikmati pelbagai aktiviti berasaskan buah tersebut, termasuk pesta makan durian, jualan di tepi jalan, serta kunjungan ke dusun. Fenomena ini menggambarkan bahawa durian telah berakar dalam gaya hidup masyarakat tempatan sebagai makanan istimewa dan lambang identiti budaya ([Hassan, 2023](#)).

Lebih penting, musim durian turut berperanan sebagai wahana sosial yang mengeratkan hubungan masyarakat berbilang kaum. Aktiviti berkumpul untuk menikmati durian bersama-sama memperlihatkan nilai perpaduan serta perkongsian budaya yang unik di Malaysia ([Ezlyna, 2023](#)). Justeru, dialog yang diujarkan oleh watak Tok Dalang ketika ditemu ramah oleh wartawan Rokiah mencerminkan kepentingan durian bukan sahaja sebagai hasil ekologi, tetapi juga sebagai simbol kebersamaan dan kekayaan budaya Malaysia.

Dapatan analisis turut menunjukkan terdapat sebanyak 28 dapatan unsur budaya material dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Budaya material melibatkan barangan kegunaan harian yang digunakan oleh setiap masyarakat seperti makanan, pakaian rumah dan pengakutan (Al-Islami Moh Shin et al., 2022).

CONTOH 2

Ini Ros ada bawa pulut panggang sama karipap ya. (14:29)

Contoh 2 menunjukkan sejenis makanan tradisional *karipap* yang dikategorikan sebagai unsur budaya material. Unsur budaya ini terdapat dalam dialog yang diujarkan oleh salah satu watak dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* iaitu *Kak Ros*. Dialog ini diujarkan ketika *Kak Ros* menghantar kuih-muih untuk dijual di gerai Uncle Muthu.

Di Malaysia, kuih *karipap* merupakan kuih tradisional yang popular dan dinikmati pada pelbagai waktu, sama ada sarapan pagi mahupun sebagai kudapan (Alya, 2024). Kuih *karipap* merupakan kuih tradisional di Malaysia, yang berasal daripada budaya Melayu (Mohamad et al., 2024).

CONTOH 3

Belum lagilah Mak Uda. (11:12)

Contoh 3 menunjukkan contoh unsur budaya sosial yang terdapat dalam *Geng Pengembaraan Bermula*. *Mak Uda* merupakan gelaran yang digunakan untuk memanggil emak saudara dalam budaya Melayu. Masyarakat Melayu mempunyai sistem panggilan kekeluargaan tersendiri dan berbeza jenis panggilan (Rofik & Osman, 2024). Gelaran *Mak Uda* diberikan kepada individu yang merupakan anak keenam dalam keluarga (Omar et al., 2020). Dialog ini diujarkan oleh Salleh bagi menjawab pertanyaan mengenai tempahan baju yang dilakukan oleh Mak Uda untuk pergi ke rumah orang kahwin.

Dapatan turut menunjukkan terdapat unsur budaya organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Kategori budaya ini melibatkan istilah-istilah sejarah dan berkait rapat dengan aspek politik, pentadbiran, keagamaan dan kesenian (Husin, 2022) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Contoh 4.

CONTOH 4

Dah nak Maghrib pun tak balik-balik lagi. (45:28)

Maghrib dikategorikan sebagai unsur budaya keagamaan kerana ia berkait dengan amalan harian yang menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Malaysia terutamanya yang beragama Islam. Waktu maghrib ialah satu daripada solat fardu lima waktu yang dilakukan bermula dengan terbenamnya matahari (Surtahman & Sadali, 2024). Dialog ini diujarkan oleh Tok Dalang sewaktu menunggu kepulangan Badrol dan Lim dari dusun durian.

Rujukan kepada waktu Maghrib ini bukan sekadar penanda masa, tetapi turut mencerminkan bagaimana praktik keagamaan Islam diintegrasikan dalam kehidupan masyarakat (Jamil & Yusoff, 2024). Amalan menunaikan solat pada waktunya telah menjadi budaya yang mengatur rutin harian, termasuk jadual kerja, makan, dan aktiviti sosial (Harun, 2020).

4.2. Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Filem Animasi *Geng Pengembaraan Bermula*

Kesemua 89 unsur budaya yang terdapat dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* dibandingkan dengan terjemahannya bagi menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemahkannya ke bahasa Inggeris. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat lapan prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah 89 unsur budaya yang dikenal pasti sebagaimana yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Prosedur Terjemahan Budaya dalam Filem Animasi *Geng Pengembaraan Bermula*

Prosedur Terjemahan	Kekerapan	Peratus (%)
Terjemahan Literal	34	38.2
Pemindahan	17	19.1
Kuplet	15	16.9
Persamaan Budaya	8	9.0
Pengguguran	6	6.7
Persamaan Deskriptif	3	3.4
Naturalisasi	3	3.4
Transposisi	2	2.2
Penggantian	1	1.1
Jumlah	89	100.00

[Jadual 2](#) jelas menunjukkan bahawa prosedur terjemahan pemindahan merupakan prosedur terjemahan yang paling banyak digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Sebanyak 34 unsur budaya iaitu 38.2% daripada keseluruhan data diterjemah secara literal. Ini diikuti oleh prosedur terjemahan kuplet dengan catatan sebanyak 15 dapatan (16.9%). Prosedur terjemahan pemindahan menunjukkan kekerapan dengan catatan sebanyak 17 dapatan (19.1%). Terdapat sembilan lapan (9.0%) bagi prosedur terjemahan persamaan budaya. Prosedur terjemahan pengguguran pula mencatatkan sebanyak enam dapatan (6.7%). Prosedur terjemahan persamaan deskriptif dan naturalisasi menunjukkan kekerapan yang sama iaitu masing-masing dengan catatan sebanyak tiga dapatan (3.4%). Prosedur terjemahan transposisi mencatatkan dapatan sebanyak dua dapatan (2.2%). Prosedur terjemahan penggantian mencatatkan dapatan yang paling sedikit iaitu sebanyak satu dapatan (1.1%).

Terjemahan literal ialah terjemahan perkataan demi perkataan dengan memindahkan sistem tatabahasa dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran ([Newmark, 1988](#)). Terjemahan literal mengekalkan struktur bahasa sumber secara langsung dalam bahasa sasaran ([Al-Islami Moh Shin et al., 2022](#)).

CONTOH 5

Bahasa Sumber: *Wah cantiknya kelip-kelip!* (1:01:02)

Bahasa Sasaran: *What a beautiful firefly!* (1:01:02)

Hasil analisis menunjukkan bahawa unsur budaya ekologi, iaitu kelip-kelip, telah diterjemahkan secara literal kepada *firefly* ([Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.a](#)). Dalam contoh ini, penterjemah mengekalkan makna asal bahasa sumber dengan menggunakan padanan langsung dalam bahasa sasaran. Prosedur terjemahan literal ini sesuai kerana

istilah kelip-kelip mempunyai padanan yang jelas dan mudah difahami oleh penonton antarabangsa.

Selain daripada prosedur terjemahan literal, terdapat juga unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pemindahan. Pemindahan adalah prosedur terjemahan yang memindahkan kata atau istilah bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988). Prosedur terjemahan pemindahan diguna pakai apabila penterjemah tidak menemui istilah budaya dalam teks terjemahan (Al-Islami Moh Shin et al., 2022).

CONTOH 6

Bahasa Sumber: *Belum lagilah Mak Uda. (11:12)*

Bahasa Sasaran: *Not yet, Mak Uda. (11:12)*

Hasil analisis menunjukkan unsur budaya sosial Mak Uda diterjemah secara pemindahan ke dalam bahasa sasaran. Ejaan Mak Uda dikekalkan dalam bahasa sasaran.

Dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*, terdapat juga unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan kuplet. Kuplet adalah prosedur terjemahan yang menggunakan dua prosedur terjemahan untuk menterjemah satu unsur budaya bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

CONTOH 7

Bahasa Sumber: *Teh ada, teh tarik ada, milo ais, teh o panas, teh o ais, barli ais, air kosong, air suam. (13:11)*

Bahasa Sasaran: *There's tea, teh tarik, milo, hot tea, iced tea, iced barlee, iced water, warm water. (13:11)*

Dalam Contoh 7, barli ais dikategorikan sebagai unsur budaya material. Hasil analisis menunjukkan unsur budaya ini diterjemah menggunakan dua prosedur terjemahan iaitu terjemahan pinjam terjemah dan naturalisasi. Prosedur terjemahan pinjam terjemah digunakan bagi menterjemah barli ais kepada *iced barlee*. Prosedur terjemahan naturalisasi pula digunakan untuk menterjemah perkataan barli kepada *barlee*. Huruf 'i' dalam perkataan *barli* digantikan dengan dua huruf 'e' dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa sasaran.

Dapatan juga menunjukkan terdapat lapan unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan persamaan budaya. Istilah atau ungkapan budaya dalam bahasa sumber boleh diterjemah dengan menggunakan padanan budaya dalam bahasa sasaran melalui persamaan budaya (Newmark, 1988). Contoh berikut dapat menunjukkan prosedur terjemahan ini dengan jelas.

CONTOH 8

Bahasa Sumber: *Ada dekat pondok tu. (38:06)*

Bahasa Sasaran: *They're over at the hut. (38:06)*

Contoh 8 memaparkan perkataan *pondok* yang dikategorikan sebagai unsur budaya material. Pondok didefinisikan sebagai rumah kecil yang didirikan secara sementara di sawah, ladang atau kawasan tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.b). Dalam bahasa Inggeris, istilah *hut* merujuk kepada bangunan kecil, sederhana, dan biasanya hanya mempunyai satu ruang (Cambridge University Press, n.d.). Contoh ini menunjukkan

penterjemah menggunakan prosedur persamaan budaya apabila unsur budaya dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada unsur dalam bahasa sasaran yang mempunyai padanan budaya yang seerti.

Hasil analisis juga mendapati penyari kata menterjemah unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* menggunakan prosedur terjemahan pengguguran. Terdapat enam unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan pengguguran.

CONTOH 9

Bahasa Sumber: *Dey Salleh!* (12:11)

Bahasa Sasaran: *Salleh!* (12:11)

Contoh 9 menunjukkan unsur budaya sosial iaitu Dey tidak diterjemah ke dalam bahasa sasaran. Dey merupakan ungkapan untuk mengatakan sesuatu yang tidak sopan (AK, 2022).

Hasil analisis turut menunjukkan prosedur terjemahan persamaan deskriptif digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Menurut Newmark (1988), jika unsur budaya dalam bahasa sumber tiada padanan dalam bahasa sasaran, ia boleh diterjemah melalui persamaan deskriptif.

CONTOH 10

Bahasa Sumber: *Toyol!* (1:13:00)

Bahasa Sasaran: *Bald ghosts!* (1:13:00)

Contoh 10 jelas menunjukkan unsur budaya yang diterjemah menggunakan persamaan deskriptif. Perkataan toyol dalam bahasa sumber diterjemah kepada *bald ghost* dalam bahasa sasaran. Prosedur terjemahan persamaan deskriptif digunakan untuk menerangkan ciri fizikal toyol yang botak kepada pembaca sasaran. Dalam budaya Melayu, toyol merupakan makhluk halus yang berkepala botak (Zakaria, 2022) dan mampu memberikan kekayaan kepada pemiliknya dengan mencuri (Rahman & Zainal, 2022).

Hasil analisis juga menunjukkan unsur budaya dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula* juga diterjemah secara naturalisasi. Naturalisasi ialah prosedur peminjaman kata dan istilah dalam bahasa sumber namun disesuaikan atau dinaturalisasi mengikut bahasa sasaran (Newmark, 1988). Prosedur terjemahan pemindahan dan naturalisasi adalah berbeza. Naturalisasi melibatkan perubahan dan penyesuaian morfologi seperti bunyi atau ejaan bagi menterjemah kepada bahasa sasaran (Newmark, 1988).

CONTOH 11

Bahasa Sumber: *Ini Ros ada bawa pulut panggang sama karipap ya.* (14:29)

Bahasa Sasaran: *I've brought some pulut panggang and curry puffs!* (14:29)

Hasil analisis menunjukkan penyari kata menterjemah perkataan karipap dengan menyesuaikan bunyi dan ejaan dalam bahasa Inggeris iaitu *curry puffs*. Huruf 'k' kepada 'c', 'a' kepada 'u', r kepada 'rr', 'i' kepada 'y', 'a' kepada 'u', dan 'p' kepada 'ff', merupakan perubahan huruf bagi perkataan karipap kepada *curry puffs*.

Dapatan analisis menunjukkan unsur budaya dalam filem animasi yang dikaji juga diterjemah secara transposisi. Prosedur terjemahan transposisi adalah terjemahan yang mengubah kedudukan atau kelas kata sesuatu kata namun tidak mengubah maknanya (Newmark, 1988).

CONTOH 12

Bahasa Sumber: *Solat jangan lupa.* (33:43)

Bahasa Sasaran: *Never forget your prayers.* (33:43)

Hasil analisis menunjukkan perkataan solat dalam bahasa sumber diterjemah kepada *prayers* dengan menggunakan prosedur terjemahan transposisi. Perubahan struktur berlaku apabila solat yang berada di pangkal ayat bahasa sumber berubah kedudukan di hujung ayat dalam hasil terjemahannya. Perubahan yang berlaku tidak mengubah sebarang makna kerana transposisi hanya mengubah struktur dan bukannya makna (Husin et al., 2024).

Dapatan menunjukkan bahawa prosedur terjemahan penggantian juga digunakan untuk menterjemah unsur budaya yang terdapat dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Terdapat satu unsur budaya yang diterjemah dengan menggunakan prosedur terjemahan penggantian. Hasil analisis menunjukkan unsur budaya kategori organisasi sosial dan diterjemahkan menggunakan penggantian ke bahasa sasaran.

CONTOH 13

Bahasa Sumber: *Sama-sama ya!* (14:51)

Bahasa Sasaran: *You're welcome!*(14:51)

Hasil analisis jelas menunjukkan sama-sama diterjemah kepada *you're welcome* dengan menggunakan prosedur terjemahan penggantian. Sama-sama didefinisikan sebagai kata yang diucapkan sebagai membalas ucapan terima kasih daripada orang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d.c). Secara umumnya, ucapan terima kasih merupakan elemen pragmatik bagi kesantunan berbahasa (Johari & Zahid, 2016). Oleh itu, membalas ucapan terima kasih seperti sama-sama, juga dianggap sebagai elemen pragmatik kerana melengkapkan tindakan tutur kata kesantunan dalam komunikasi. Kesan pragmatik dalam bahasa sumber dihilangkan dalam bahasa sasaran (Yahaya & Mohamad Sharudin, 2024) apabila diterjemah kepada *you're welcome*. Biarpun, kesan pragmatik dihilangkan dalam bahasa sasaran, namun memberikan kesan yang sama dalam bahasa sumber (Newmark, 1988).

Dapatan kajian menunjukkan terjemahan literal merupakan prosedur yang paling dominan, diikuti oleh pemindahan dan kuplet, manakala prosedur lain digunakan secara terhad. Keutamaan terhadap literal dan pemindahan menandakan kecenderungan penterjemah mengekalkan makna asal unsur budaya dengan padanan langsung atau peminjaman istilah. Namun, penggunaan prosedur lain seperti persamaan budaya, deskriptif, naturalisasi, transposisi dan penggantian memperlihatkan usaha menyesuaikan unsur budaya agar lebih mudah difahami penonton sasaran. Hal ini menegaskan bahawa strategi terjemahan budaya dalam filem animasi memerlukan keseimbangan antara pengekal identiti budaya dan keterterimaan dalam bahasa sasaran.

5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan analisis, terdapat 89 unsur budaya yang dikenal pasti terdapat dalam filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. Kesemua unsur budaya yang dikenal pasti ini dikategorikan kepada empat kategori berdasarkan Kategori Budaya oleh Newmark (1988) iaitu (i) ekologi, (ii) material, (iii) sosial serta (iv) organisasi, adat, aktiviti, prosedur atau konsep. Dapatan ini memperlihatkan kepelbagaian aspek budaya yang digarap dalam filem animasi tersebut, sekali gus mencerminkan kekayaan budaya tempatan yang dapat diketengahkan melalui medium hiburan. Kesemua unsur budaya ini diterjemah menggunakan sembilan prosedur terjemahan iaitu (i) terjemahan literal, (ii) pemindahan, (iii) kuplet, (iv) persamaan budaya, (v) pengguguran, (vi) naturalisasi, (vii) persamaan deskriptif, (viii) transposisi dan (ix) penggantian. Kepelbagaian prosedur ini menunjukkan bahawa penterjemah mengaplikasikan prosedur terjemahan yang bersifat fleksibel dan kontekstual bergantung kepada unsur budaya yang ditangani. Dapatan analisis menunjukkan bahawa terjemahan unsur budaya dalam filem animasi bukan sahaja berfungsi untuk memastikan kefahaman penonton sasaran, tetapi juga berperanan dalam mengekalkan nilai serta identiti budaya asal. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa penterjemahan yang berkesan mampu menjadi medium penting dalam memartabatkan dan memperkenalkan budaya tempatan kepada khalayak antarabangsa.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian dijalankan menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA (REC UiTM). Kajian ini juga telah memperolehi kelulusan daripada REC UiTM dengan nombor rujukan REC/07/2024 (PG/EX/34).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, Selangor. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini mendapat tajaan atau bantuan kewangan daripada Universiti Teknologi MARA dan Institut Pengajian Siswazah.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan kewangan, peribadi, mahupun institusi yang boleh mempengaruhi reka bentuk, pelaksanaan, penganalisan, atau pelaporan kajian ini.

Rujukan

A. Bakar, A., & Abd Rahman, L. (2021). Penterjemahan Makna Unsur Budaya dalam Novel Arab "Saakah Baghdad: Riwayah" ke dalam Bahasa Inggeris melalui Aplikasi e-

- Translasi Google. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 69 - 79. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.685>.
- Al-Harabsheh, A. M., & Alhourani, S. A. (2024). Subtitling of Jordanian Culture-Specific Expressions in “The Alley” Movie. *Journal of Language Studies*, 8(9), 356-373. <https://doi.org/10.25130/Lang.8.9.24>.
- Al-Islami Moh Shin, A. J., Majid, M. A. A. & Husin, N. (2022). Penterjemahan Unsur Budaya Dalam Komik Daripada Bahasa Melayu Kepada Bahasa Arab. *Jurnal Penterjemah*, 24(1), 1-22.
- AK-47 (2022, Jun 4). *8 Bahasa Tamil Yang Sering Kita Ungkap Dalam Pertuturan Harian*. Mynewshub. <https://www.mynewshub.tv/2014/10/7-bahasa-tamil-yang-sering-kita-pakai/#>
- Al-Shloul, S. (2025). Subtitling the Sacred: Navigating Strategies and Challenges in Subtitling Religious Content. *International Journal of Linguistics and Translation Studies*, 6(1), 77–104. <https://doi.org/10.36892/ijlts.v6i1.551>.
- Anuar, A. H., Fariz, N. F. M. & Omar, H. C. (2022). Pelatihan Dalam Terjemahan Audiovisual: Satu Perkongsian Pengalaman. *Jurnal Penterjemah*, 24, 59-71.
- Attia, D. S. A. (2025). Analyzing the Influence of Animated Cartoon Series on Enhancing Cultural and Tourism Awareness among Egyptian Schoolchildren. *The International Journal of Tourism and Hospitality Studies*, 8(2), 85-104. [10.21608/ijthsx.2025.372781.1154](https://doi.org/10.21608/ijthsx.2025.372781.1154).
- Bernama (2025, Julai 8). *Industri filem tempatan raih RM162.89 juta setakat 30 Jun*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/industri-filem-tempatan-raih-rm16289-juta-setakat-30-jun-528498>.
- Boynukara, E., & Tarakcioğlu, A. Ö. (2021). Subtitle Translation of Allusions From English to Turkish: The Case of Sherlock Series. *Karamanoğlu Mehmetbey Üniversitesi Uluslararası Filoloji ve Çeviribilim Dergisi*, 3(2), 149-166. <https://doi.org/10.55036/ufced.1016984>.
- Cambridge University Press. (n.d.). Hut. Dalam *Cambridge Dictionary*. Dicapai pada September 5, 2025, daripada <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/hut>.
- Chai, W., Ong, H. Y., Amini, M., & Ravindran, L. (2022). The Art of Paper Cutting: Strategies and Challenges in Chinese to English Subtitle Translation of Cultural Items. *Journal of Modern Languages*, 32(1), 84–103. <https://doi.org/10.22452/jml.vol32no1.5>.
- Chiaro, D. (2025). *Audiovisual Translation*. The Encyclopedia of Applied Linguistics, C.A. Chapelle (Ed.). <https://doi.org/10.4324/9781315762975>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.a). Kelip-kelip. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Dicapai pada September 5, 2025, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kelip-kelip>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.b). Pondok. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Dicapai pada September 5, 2025, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pondok>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.c). Sama-sama. Dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Dicapai pada September 8, 2025, daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sama-sama>.
- El-Farahaty, H., & Alwazna, R. Y. (2024). Translating Cultural References and Sensitive Elements Between Arabic and English: Netflix Subtitles as a Case Study. *SAGE Open*, 14(2), 1-15. <https://doi.org/10.1177/21582440241258293>.
- Ezlyna (2023, Januari 14). *The Role of Durian in Malaysia's Food Culture*. Malaysia Link. <https://www.malaysianlink.com/post/the-role-of-durian-in-malaysia-s-food-culture>.

- Fadzilah, M. A. H. (2025, Ogos 18). *Siri Animasi Negara Angkat Budaya Malaysia Ke Mata Dunia*. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2457717>.
- Farkhan, M., Naimah, L. U., Suriadi, M. A. (2020). Translation Strategies of Food-Related Culture Specific Items in Indonesian Subtitle of Netflix Series The Final Table. *Insaniyat: Journal of Islam and Humanities*, 4(2), 149-162. [10.15408/insaniyat.v4i2.14668](https://doi.org/10.15408/insaniyat.v4i2.14668)
- Ghilzai, S. A., Alam, R., Ahmad, Z., Shaukat, A., Shahum, S., & Noor. (2017). Impact of Cartoon Programs on Children's Language and Behavior. *Insights in Language Society and Culture* 2, 104–126.
- Gilyazetdinov, E. (2025). Translation and Cultural Realities: How To Avoid Loss of Meaning. *International Journal of Artificial Intelligence*, 1(2), 992–998. Retrieved from <https://inlibrary.uz/index.php/ijai/article/view/75656>.
- Hanapi, M. H. M., Zakaria, N. & Abdullah, N. (2019). Nilai Pendidikan dalam Bahan Pengajaran Multimedia Kartun Animasi Upin dan Ipin untuk Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(4), 12-23.
- Harun, S. N. B. C. (2020, Disember 31). *Hikmah Slat Awal Waktu*. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/hikmah-solat-awal-waktu/>.
- Hashim, S. N. & Basari, S. N. M. (2022). Translation of the Culture-Specific Items in Malaysian Children's Animated Movies Subtitles. *International Young Scholars Journal Of Languages (IYSJL)*, 5(2), 26-48.
- Hassan, A. (2023, Ogos 29). "*Tangan Melekit, Halangan Terlerai*" - Durian Bukti Simbol Perpaduan Rakyat Malaysia! #FoodiesLife. Gempak. <https://gempak.com/berita-terkini/tangan-melekit-halangan-terlerai-durian-bukti-simbol-perpaduan-rakyat-malaysiafoodieslife-82971>.
- Huber, L. (2025). Interdisciplinary Approach in Primary Education: Animated Films as a Tool for Cross-Cultural Awareness. *Journal of Elementary Education*, 18(2), 219-234. <https://doi.org/10.18690/rei.4806>.
- Husin, N. (2016). *Strategi Terjemahan Elemen Budaya Bukan Material dalam Teks Bukan Fiksi: The World is Flat*. [Tesis PhD], Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my>.
- Husin, N. (2022). Domestication and Foreignization in the Translation of English Non-Material Cultures in 'The World Is Flat' into Malay. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(SI7), 59–65. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7iSI7.3764>.
- Husin, N., Ismail, S., Mohamad, M., & Haroon, H. (2024). Terjemahan Unsur Budaya Sosial dalam Amali Terjemahan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9 (5), 1–17. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2827>.
- Ibrahim, I. T., & Saadi, N. A. H. A. (2024). The Study of English-Arabic Amateur Subtitling Analysis The Nun Movie Part One as a Model. *Journal of English Language for Linguistics and Literary Studies*, 2(1), 64-75.
- Ibrahim, N., Ghazali, N., & Yusoff, M. F. M. (2013). Betul! Betul! Betul!: Satu Manifestasi Jati Diri Melayu. *Proceedings of the Fourth Seminar on National Resilience*. Indonesia, 135–148.
- Isyraaf, Z. A. (2014, Februari 12). *Sy suka tgk filem geng, pengembaraan bermula..x kira umur semua blh tgk...* Facebook. <https://www.facebook.com/photo?fbid=10152283560664750&set=a.136094654749>.
- Jamil, T. N. A. T. & Yusoff, Z. (2024). Peranan Ibadah Solat dalam Membentuk Tingkah Laku dan Kepimpinan Diri yang Efektif dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 8(2), 102-120. <https://doi.org/10.37231/mjis.2024.8.2.279>.

- Junzhe, W., & Shuxian, X. (2024). Research on the development trend and evolution of the Chinese animation industry. *Journal of Humanities and Social Sciences Studies*, 6(6), 63-73. <https://doi.org/10.32996/jhsss.2024.6.6.7>
- Johari, A., & Zahid, I. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2), 73-94.
- Kitchen, V. (2014, Februari 14). *Hapy besday geng pengembaraan...ank2 suka tgok xkisah pun brapa kli tiap2 hari smpy diaorng hafal sangat dialog yg lucu2....* Facebook. <https://www.facebook.com/photo?fbid=10152283560664750&set=a.136094654749>.
- Kruger, J. L., & Liao, S. (2025). Busting “Ghost Subtitles” on Streaming Services. *Translation & Interpreting: The International Journal of Translation and Interpreting Research*, 17(2), 38-54. <https://doi.org/10.12807/>
- Luyken, G. M., Herbst, T., Langham-Brown, J., Reid, H., & Spinhof, H. (1991). *Overcoming Language Barriers in Television: Dubbing and Subtitling for the European Audience*. Manchester, UK: European Institute for the Media.
- Matkivska, N. (2014). Audiovisual translation: Conception, types, characters’ speech and translation strategies applied. *Kalby studijos*, (25), 38-44.
- Mehawesh, M. I., & Neimneh, S. S. (2021). Problems in Subtitling Cultural-bound Expressions in “Theeb” Movie: A Case Study. *Theory and Practice in Language Studies*, 11(10), 1217-1223. <https://doi.org/10.17507/tpls.1110.09>.
- Mohamad, A. N. A., Mohamad, W. N. A. & Ahmad Z., (2023). Warisan Budaya Terhakis, Sanggupkah Kita? *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*. Malaysia, 1064-1071.
- Motiejūnienė, J., & Danilavičienė, G. (2025). Media accessibility through audiovisual representation of culture-specific references in regard to their subtitled translation. *Studies about Languages*, (46), 5-16. <https://doi.org/10.5755/j01.sal.1.46.38345>.
- Nesirli, A. (2025). Exploring the Modalities of Audiovisual Translation: Focus on Dubbing and Subtitles. *Porta Universorum*, 1(4), 6-21. <https://doi.org/10.69760/portuni.0104001>.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New Jersey: Prentice Hall Longman.
- Omar, M. H. A. A., Hamid, S. A. & Makhtar, R. (2020). Pengekalan kata panggilan kekeluargaan dalam kalangan keluarga kahwin campur masyarakat Brunei di Sabah. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember 2020*, 405-419. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/44396>.
- Omer, H. A., & Aminzadeh, S. (2023). Exploring the Strategies of Translating Cultural References in Kurdish Subtitling. *Cihan University-Erbil Journal of Humanities and Social Sciences*, 7(1), 50-57. <https://doi.org/10.24086/cuejhss.v7n1y2023.pp50-57>.
- Papi, S., Gaido, M., Karakanta, A., Cettolo, M., Negri, M., & Turchi, M. (2023). Direct Speech Translation for Automatic Subtitling. *Transactions of the Association for Computational Linguistics*, 11, 1355-1376. https://doi.org/10.1162/tacl_a_00607.
- Pérez-González, L. (2014). *Audiovisual Translation: Theories, Methods and Issues (1st ed.)*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315762975>.
- Putriani, S. O., & Basari, A. (2023). Subtitling Strategies of Cultural words in the Subtitle of Kartini Movie. *Undergraduate Conference on Language, Literature, and Culture (UNCLLE)*, 3(1). <http://publikasi.dinus.ac.id/index.php/uncle>.
- Rafik, M. R. S. H. M., Alimom, N., & Firdaus, N. (2020). Cultural Imperialism in Malaysian Animation. *International Journal of Social Science Research*, 2(1), 74-87. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/8740>.

- Rahman, A. N. I., A. & Zainal, Z. I. (2022). Human and ghost attachment in Hanna Alkaf's *The girl and the ghost*. *Platform: A Journal of Management and Humanities*, 5(1), 2-13.
- Rofik, N. I., & Osman, M. (2024). Terjemahan Budaya Bukan Kebendaan dalam Novel Siri Saga *Twilight: Senjakala*. *Jurnal Melayu*, 23(1), 35. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1705>.
- Sabri, S. & Adiprabowo, V. D. (2022) Nonverbal communication through visual storytelling of leaving home animated films. *International conference on communication science (ICCS) 2*(1), 181–186. <https://doi.org/10.29303/iccsproceeding.v2i1.99>.
- Shtets, V., & Melnyk, O. (2024). Communicative potential of stop-motion animation in the practice of modern design. *Culture and Contemporaneity*, 26(1), 87–96.
- Surtahman, N. A. & Sadali, H. M. (2024). Pengaruh Ketinggian dalam Hitungan Waktu Maghrib di Selangor: Kajian Kes di Bukit Jugra: The Impact of Altitude on Maghrib Prayer Time Calculation in Selangor: A Case Study on Bukit Jugra. *Journal of Fatwa and Falak Selangor*, 1(2), 107-115. <https://juffas.muftiselangor.gov.my/index.php/jurnal/article/view/35>.
- Talaván, N. (2019). Using Subtitles for the Deaf and Hard of Hearing as an Innovative Pedagogical Tool in the Language Class. *International Journal of English Studies*, 19(1), 21-40. <https://doi.org/10.6018/ijes.338671>.
- Toury, G. (2012). *Descriptive Translation Studies and Beyond*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins.
- Wan Mahmood, W. H. (2021). Keris Siamang Tunggal: Unveiling Malay Artistic Culture. *International Journal of Language, Literacy and Translation* 4(1), 28-44. <https://doi.org/10.36777/ijollt2021.4.1.041>.
- Wu, Z. (2025). The impact of integrated subtitles on viewers' comprehension, emotions, and reception: A mixed-methods study. *Translation & Interpreting: The International Journal of Translation and Interpreting Research*, 17(1), 113-132. <https://doi.org/10.12807/ti.117201.2025.a06>.
- Yahaya, N. H. & Mohamad Sharudin, N. I. N. (2024). Prosedur Terjemahan Unsur Budaya dalam Novel Salina. *Jurnal Linguistik*, 28(2), 136-148.
- You, Y. (2023). Translation of Traditional Chinese Crafts Culture in the New Media Environment: A Case Study of Subtitle Translation in Li Ziqi's YouTube Short Videos. *International Journal of Translation and Interpretation Studies*, 3(3), 44-51. 10.32996/ijtis
- Yusuff N. A. & Zailani@Ahmad S. (2023). Penterjemahan Identiti Budaya Material Masyarakat Melayu dalam Komik Budak Kampung ke Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3), 84-98. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/392/460>.
- Zakaria, F. (2023). Hantu in Malay Community. *Rusamilae Journal*, 43(2), 23–32. <https://so05.tci-thaijo.org/index.php/rusamelae/article/view/265917>.
- Zhao, X. (2023). A Brief Analysis of English Film Subtitle Translation Based on Relevance Theory - A Case Study of the Film *Green Book*. *Commications in Humanities Research*, 3(1), 191–197. <https://doi.org/10.54254/2753-7064/3/20220244>.